



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL LAKSANA TIGA PENAMBAHBAIKAN BAGI MEMUDAHKAN URUSAN PENIAGA DI KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan tiga penambahbaikan bagi memudahkan urusan peniaga di Kuala Lumpur susulan sesi libat urus bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud serta wakil Persatuan Pekedai Kedai Kopi dan Teh Cina Selangor dan Kuala Lumpur. Satu sesi libat urus turut telah diadakan bersama Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) pada bulan April tahun ini yang turut menyentuh isu-isu berkait terutamanya pembukaan semula premis.

Sesi tersebut diadakan bagi mendengar isu dan cabaran yang dihadapi oleh pengusaha premis makanan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam proses penyampaian perkhidmatan DBKL.

Penambahbaikan yang akan dilaksanakan ini terpakai kepada semua peniaga yang memenuhi syarat ditetapkan tanpa mengira latar belakang atau jenis premis.



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

1. Permit meja dan kerusi di kaki lima

- Bayaran permit akan ditetapkan pada kadar RM30 sebulan bagi setiap set meja dan kerusi.
- Permohonan boleh dikemukakan melalui Pejabat Cawangan DBKL mengikut kawasan Parlimen masing-masing dan akan dipertimbangkan berdasarkan kesesuaian lokasi serta kelebaran kaki lima.
- Sebarang kelulusan tertakluk kepada syarat bahawa laluan pejalan kaki, pengguna kerusi roda serta akses bagi operasi kecemasan tidak terhalang.

2. Permit kerja kecil

- Bagi kerja kecil seperti pertukaran jubin atau siling yang tidak melibatkan perubahan kepada struktur bangunan, pemohon hanya perlu mengisi borang dan membuat pemakluman kepada DBKL.
- Permit berkenaan boleh dikeluarkan secara terus melalui Pejabat Cawangan DBKL mengikut kawasan Parlimen masing-masing.
- Penambahbaikan ini bertujuan mempercepatkan proses permohonan bagi kerja yang berisiko rendah tanpa menjejaskan keperluan pematuhan dan keselamatan.

3. Pembukaan semula premis selepas tindakan kebersihan

- Premis yang diarahkan tutup atas faktor kebersihan boleh dipertimbangkan untuk dibuka semula seawal 24 jam selepas tindakan pembersihan dilaksanakan dengan sempurna.
- Walau bagaimanapun, pembukaan semula bukan secara automatik dan hanya dibenarkan selepas pemeriksaan serta pengesahan DBKL bahawa semua keperluan kebersihan dan keselamatan makanan telah dipenuhi.

Ketiga-tiga penambahbaikan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan DBKL untuk memperkemas penyampaian perkhidmatan, mengurangkan proses yang tidak perlu serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif di Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, DBKL akan terus memastikan setiap kelonggaran proses dilaksanakan tanpa menjejaskan aspek keselamatan, kebersihan, aksesibiliti dan kepentingan awam.

Penambahbaikan ini juga akan membantu menyeragamkan proses, syarat dan pelaksanaan penguatkuasaan di peringkat cawangan supaya peniaga menerima maklumat yang lebih jelas dan konsisten.

Proses yang jelas dan seragam bukan sahaja memberi kepastian kepada peniaga, malah memudahkan pegawai menjalankan tugas serta mengurangkan ruang kepada perbezaan tafsiran dalam pelaksanaan.

DBKL komited untuk terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan yang lebih cekap, telus dan berintegriti demi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang mesra perniagaan tanpa mengabaikan kepentingan rakyat.

Unit Media

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
11 Ogos 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

